



Association for Researcher of Skills & Vocational Training (ARSVOT)
Thought :: Innovation :: Respond :: Applied

ANP

ISSN: 2773-482X, e-ISSN 2785-8863

DOI: <https://doi.org/10.53797/anp.jssh.v3sp.1.2022>



ANP
JOURNAL OF SOCIAL SCIENCE AND HUMANITIES

Teori Simbol Kesucian: Analisis Budaya Etnik Sarawak

Magiman, Mohamad Maulana

Universiti Putra Malaysia Bintulu Campus, 97008 Bintulu, Sarawak, MALAYSIA

*Corresponding author email: mdmaulana@upm.edu.my

Available online 11 March 2022

Abstrak: Ritual masih lagi menjadi amalan etnik-etnik asli di Sarawak. Ritual yang diwarisi secara turun-temurun oleh etnik Sarawak ini kini diamalkan melalui bentuk seni persembahan sewaktu melakukan pelbagai upacara yang menjurus kepada keesaan tuhan. Persembahan ritual itu kebiasaannya menjurus untuk memohon keberkatan dan kesejahteraan agar komuniti yang mendiami sesebuah Kawasan itu terhindar daripada pelbagai kecelakaan. Namun amalan ritual ini mengalami perubahan selaras dengan gaya hidup sesebuah etnik di samping pengaruh faktor-faktor seperti kepercayaan hidup beragama, pembangunan dan polisi kerajaan. Makalah ini akan membincangkan fungsi simbol kesucian yang menjadi akar pelaksanaan ritual dalam budaya etnik-etnik Sarawak. Namun demikian persembahan ritual yang dilaksanakan itu masih mengekalkan kepada sumber reportoir dan barangan dalam setiap persembahan ritual. Kaedah pemerhatian melalui beberapa siri temu bual bersama pengamal budaya, rakaman video persembahan dan gambar foto digunakan bagi mendapatkan data. Akar wujudnya persembahan ritual yang diungkap dalam setiap etnik-etnik di Sarawak adalah berdasarkan faktor kesucian bagi memastikan ritual yang dilaksanakan dapat diterima oleh tuhan dan sebagai pembalasannya kesejahteraan setiap komuniti tersebut terpelihara. Pendokumentasian ini sangat penting bagi memastikan keunikan ritual yang dilaksanakan oleh setiap etnik-etnik di Sarawak terus terpelihara dan disimpan sebagai khazanah budaya.

Kata Kunci: Ritual, simbol, kesucian, seni persembahan, etnik Sarawak

Abstract: Indigenous ethnic groups in Sarawak continue to perform rituals. This ritual was inherited from the Sarawak ethnic group through the form of performing arts for various ceremonies that lead to the almighty of God. The ritual is usually performed to seek blessings and well-being so the community is protected from various mishaps. However, the ritual's practice has evolved in response to an ethnic group's lifestyle, and the influence of factors such as religious beliefs, development, and government policy. The component of the purity symbol, which is the core of Sarawak ethnic groups' ritual performance, will be discussed in this paper. However, the ritual offerings performed still maintain the reportoir's source and the same items used in each ritual performance. Data was collected using observational methods such as interviews with cultural practitioners, video recordings of presentations, and photographs. The existence of ritual performances revealed in each ethnic group in Sarawak is based on the factor of purity, which ensures that the rituals performed are accepted by God and, as a result, the well-being of each community is preserved. This documentation is crucial to ensure that the uniqueness of each ethnic group's rituals in Sarawak is sustained and preserved as a cultural treasure.

Keywords: Ritual, symbol, purity, art performance, Sarawak ethnic

1. Pendahuluan

Ritual mempunyai pengertian yang sangat luas dalam kajian antropologi sosial dan budaya. Ritual dalam konteks budaya sering kali dikaitkan dengan fungsinya di dalam mewujudkan keseimbangan, nilai-nilai sosial masyarakat serta memaparkan sistem kosmologi masyarakat pengamalnya. Ritual dalam peringkat awal penyelidikan antropologi lebih cenderung ditafsirkan sebagai tingkah laku agama dalam keperluan memahami konteks sistem kepercayaan dan agama masyarakat primitif. Tafsiran berkenaan upacara, ritual turut diteliti oleh para sarjana terkenal seperti Victor Turner (1920–1983), Clifford Geertz (1926), Radcliffe-Brown (1952), Catherine Bell (1992) dan beberapa peneliti etnologi di Eropah yang lain dalam penghujung kurun ke-19; seperti yang dinyatakan oleh Bell (1992: 3-4). Konteks ini kemudian turut dibincangkan dalam beberapa penyelidikan ke atas masyarakat di kepulauan Borneo sepertimana yang dinyatakan oleh Magiman & Yatim (2012), Magiman & Salleh (2017), Bohari & Magiman (2020), Tugau et al. (2020), Inai et al. (2020) dan Yakin (2015) yang menjelaskan amalan ritual yang dilaksanakan oleh sesebuah masyarakat adalah saluran

bagi melahirkan rasa kesyukuran terhadap penjonjolan emosi, penerapan nilai-nilai murni dan disertakan dengan penjelmaan semangat yang menyatukan sesebuah masyarakat pemakainya. Hal ini bagi menjamin masyarakat yang mengamalkannya akan terhindar daripada perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Pengertian tentang ritual tidak ditanggapi secara seajagat tetapi ia diterjemahkan mengikut pemahaman yang dihayati sepenuhnya oleh pendukung adat. Dalam pelaksanaan ritual terdapat pelbagai pelakuan yang menjurus kepada pengertian simbol. Simbol yang terdapat di dalam ritual merupakan ekspresi makna di dalam budaya masyarakat yang mengamalkannya. Unsur-unsur simbol merupakan pernyataan yang mengandungi makna yang tersurat. Menurut Tugau et al. (2020), simbol ialah bahasa yang mencerminkan maksud di sebalik sesebuah upacara. Makna simbol-simbol yang digunakan di dalam upacara disetujui dan disepakati sebagai produk dari interaksi sosial pendukung ritual tersebut. Oleh yang demikian, konteks makna dalam simbol ditentukan mengikut kehendak masyarakat pendukungnya mengikut persekitaran, pengalaman dan budaya.


Simbol dalam peringkat awal penyelidikan antropologi cenderung ditafsirkan sebagai tanda atau perlambangan yang mengandungi makna bagi memahami konteks kepercayaan dan agama masyarakat tradisional (Arumugum et al (2021). Simbol turut memainkan peranan penting dalam kehidupan beragama masyarakat dengan memberikan pemahaman yang lebih mendalam kepada manusia. Hal ini disebabkan simbol memiliki keunikan dalam menjelaskan dengan lebih mendalam mengenai hal-hal suci yang tidak mudah untuk dijelaskan dengan mata kasar dan pemahaman biasa manusia. Kajian oleh Douglas (2002) yang berjudul "*Natural Symbols: Explorations in Cosmology*" membicarakan mengenai ritual tarian masyarakat Andaman yang melambangkan simbol kesepaduan dan kesepakatan dalam kalangan ahli masyarakat tersebut. Beliau telah menyimpulkan bahawa simbol-simbol di dalam ritual dilihat sebagai bahasa paling ringkas bagi menggambarkan makna di sebalik sesuatu upacara atau ritual. Ia disifatkan sebagai satu petunjuk kepada keperibadian individu dengan menyerah diri kepada tindakan yang dikenakan oleh komuniti.

2. Ritual dalam budaya etnik Sarawak

Apabila memperkatakan budaya etnik negeri Sarawak apa yang terbayang oleh kita adalah berkaitan tentang kepelbagaian etnik yang merangkumi 30 etnik Sarawak. Kepelbagaian etnik ini mewujudkan kepelbagaian budaya dan ada kalanya saling berkaitan disebabkan antara hubungan sosialisasi dalam kalangan masyarakatnya. Melalui makalah ini, pemerhatiannya adalah berasarkan beberapa kajian yang dibuat selama lebih sepuluh tahun mengenai bentuk ritual yang dilaksanakan oleh kaum-kaum seperti Melayu, Kedayan, Iban, Penan, Melanau dan Salako. Berdasarkan kajian yang bermula pada tahun 2010 sehingga tahun 2020, ia menampakkan dalam setiap persembahan ritual mempunyai persamaan dan nilai setiap persembahan itu adalah berdasarkan fungsi simbol di dalam pengaliran maknanya.

2.1 Teori Simbol Kesucian

Teori ini diasaskan oleh Mohamad Maulana Magiman pada tahun 2020 yang merupakan kesinambungan daripada model simbol kesucian yang diperkenalkan pada tahun 2012 dalam kajian beliau terhadap masyarakat Kadayan di Sarawak. Dalam kajian itu beliau telah menggunakan kerangka teori ritual yang diperkenalkan oleh Turner pada tahun 1957 yang menganggap ritual merupakan proses drama sosial yang menjurus kepada kelangsungan kehidupan. Hasil daripada teori itu, Mohamad Maulana Magiman telah memperkenalkan Model Simbol Kesucian pada tahun 2012 yang menggunakan kerangka teori Turner. Hasilnya beliau menggabungkan kedua-dua kerangka tersebut dalam kajian terhadap masyarakat Kadayan dan terhasillah Model yang dikenali sebagai Model Simbol Kesucian.



Rajah 1: Teori Simbol Kesucian

Petunjuk:

1. Krisis: Permasalahan kehidupan komuniti
2. Ritual: Upacara kepercayaan komuniti
3. Penyelesaian: proses peleraian

Krisis atau konflik merupakan unsur ketegangan yang menyebabkan perpecahan dalam sesebuah masyarakat. Berdasarkan Teori Simbol Kesucian tersebut, krisis antara masyarakat beragama dan mereka yang masih mempunyai pegangan tradisi atau animisme dileraikan melalui konsep sinkritisme iaitu dua fahaman yang digabungkan menjadi satu pegangan masyarakat. Namun sebelum konsep itu digunakan ia terlebih dahulu dileraikan oleh masyarakat pengamal dan seterusnya dipersetujui. Melalui pelaksanaan ritual itu yang mempunyai pelbagai aturan telah diterima oleh kedua-dua aliran agama melalui konsep kesucian. Walaupun cara perlaksanaannya berbeza namun pengekalan kepada kesucian diutamakan kerana ia adalah untuk tujuan kepada tuhan. Sebab itu, pada peringkat akhirnya penyelesaian permasalahan dan krisis itu adalah dengan memohon kesejahteraan daripada tuhan. Jelas di sini perbezaan pegangan agama dileraikan melalui kesepakatan dan kerjasama dalam masyarakat pengamal ritual.

Hasil daripada kajian beliau selama hampir 10 tahun terhadap masyarakat minoriti di Sarawak mendapati akar dalam pelaksanaan ritual adalah berasaskan kepada kesucian. Kesucian ini dapat diterjemahkan melalui pelbagai simbol sama ada simbol tersurat atau tersirat. Asasnya teori ini mempunyai tiga komponen utama iaitu pegangan tradisional, pegangan keagamaan dan konsep ketuhanan. Kesemua unsur-unsur yang terkandung di dalam teori ini mempunyai pertalian yang rapat di antara satu sama lain yang akhirnya disatukan melalui simbol-simbol pelaksanaan ritual yang berteraskan kepada bentuk kesucian. Pecahan unsur-unsur tersebut adalah seperti berikut:

2.2 Ketuhanan

Unsur ini sebenarnya merujuk kepada konsep tuhan yang dijadikan pegangan beragama. Ia tidak kira sama ada ia menjurus kepada agama Islam, Kristian atau sebagainya. Unsur ini juga merupakan pengakhiran sesuatu persembahan ritual yang dijalankan oleh masyarakat yang mengamalkan setiap ritual dalam kehidupan.

2.3 Agama

Pada zaman sekarang, setiap masyarakat telah mempunyai agama masing-masing. Agama yang dijadikan pegangan ini akan dijadikan sebagai keperluan bagi persediaan kehidupan selepas mati ataupun sebagai memohon kesejahteraan sewaktu masih hidup, kerana masyarakat yang beragama sangat yakin dengan setiap perlakuan yang baik akan dibalas dengan kebaikan.

2.4 Pegangan Tradisional (Animisme)

Ia menjurus kepada amalan-amalan yang diterima secara turun-temurun oleh masyarakat pengamal ritual. Amalan-amalan tradisi ini sebenarnya merupakan bentuk-bentuk kepercayaan yang dianggap masih relevan sehingga ke hari ini disebabkan kelopongan yang masih terdapat di dalam satu-satu budaya masyarakat itu. Sebab itu, ia tidak memerlukan kesahihan disebabkan masyarakat pengamal ini mempercayai selain daripada manusia ada makhluk lain yang mendiami dunia ini. Walaupun tidak dilihat dengan mata kasar tetapi keyakinan terhadap kepercayaan dan pegangan tradisi ini menjadikan pegangan tradisional masih lagi terpakai sehingga ke hari ini.

3. Metodologi

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan etnografi. Dalam kajian budaya, etnografi digunakan untuk meneliti perlakuan manusia yang berkaitan tentang corak kehidupan sesebuah masyarakat itu. Pendekatan ini mampu untuk memperoleh data secara menyeluruh melalui kaedah pemerhatian, turut serta dan temu bual. Selain itu, pendekatan ini boleh mencungkil segala maklumat secara sah melalui penglibatan pengkaji secara langsung bersama komuniti atau masyarakat yang dikaji. Pemilihan pendekatan ini adalah sejajar dengan objektif kajian yang bertujuan memahami dengan lanjut aspek Teori Kesucian dalam ritual budaya etnik di Sarawak.

3.2 Pemilihan Informan Kajian

Dalam mendapatkan maklumat yang lebih sahih, temu bual melibatkan para pengamal budaya dalam etnik dikaji seperti ustaz dan bomoh (Kedayan), *Manang*¹ dan *Tukang Sabak*² (Iban), *Ratalak*³, *Vaie Puwet*⁴ (Penan), Mak andam, Dukun (Melayu), *Ipok*⁵, *tama kaul*⁶ (Melanau Likow), *Jubata*⁷ dan *Tuha Adat*⁸ (Salako). Kesemua informan ini ditemu bual secara mendalam dengan menumpukan kepada peranan mereka di dalam setiap pelaksanaan ritual dalam etnik Sarawak. Dalam kaedah ini, data temu bual telah ditranskripsi sebaik sahaja selesai proses temu bual. Melalui kaedah ini pengkaji

¹ *Manang* merupakan bomoh atau dukun dalam kalangan masyarakat Iban. Yang mempunyai kelebihan disebabkan boleh berhubung dengan makhluk ghaib

² Merupakan orang yang mengendalikan upacara *Sabak Bebuah* dalam kalangan masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan tradisional

³ Tuhan dalam kepercayaan masyarakat Penan

⁴ Perantara dan pengamal adat masyarakat Penan

⁵ Dewa yang merupakan penjaga dan pemberi kepada kalangan masyarakat Melanau Likow

⁶ Orang yang menjadi perantara dalam penyampaian kepada *Ipok*

⁷ Tuhan dalam kepercayaan masyarakat Salako tradisional

⁸ Ketua adat yang mempunyai kemahiran yang luar biasa untuk berhubung dengan makhluk ghaib dan juga pengamal adat.

berupaya untuk mendapatkan maklumat awal berkaitan bentuk ritual yang dijalankan oleh setiap etnik di Sarawak. Proses selanjutnya adalah pengkaji akan bersama-sama dengan pengamal budaya setiap etnik ini melakukan upacara ritual melalui kaedah pemerhatian.

3.3 Pengumpulan Data Melalui Keadah Temu Bual

Pengumpulan data kajian ini dibuat berdasarkan pemerhatian dan temu bual hasil daripada penyelidikan etnik Sarawak semenjak tahun 2008 sehingga 2020. Sesi temu bual yang dijalankan adalah berdasarkan kepada kesesuaian masa, lokasi yang diminta oleh informan. Sesi temu bual berlangsung antara 1 jam hingga 3 jam bersama pengamal budaya setiap etnik di Sarawak seperti Melayu, Iban, Penan, Kadayu, Melanau dan Salako. Namun sesi temu bual tersebut bukan dibuat secara serentak memandangkan kajian yang dibuat adalah berbeza mengikut etnik di Sarawak. Kajian temu bual dibuat bermula pada 2008 (Kadayan), 2014 (Bidayuh), 2017 (Melayu), 2018 (Melanau Likow), 2019 (Penan), 2019 (Iban), 2020 (Salako). Hasil daripada temu bual tersebut adalah untuk tujuan penulisan akademik yang akan dijadikan sebagai rujukan kepada penelitian selanjutnya.

3.4 Analisis Data

Kajian ini, dianalisis menggunakan Teori Simbol Kesucian yang menjelaskan ritual yang dilaksanakan oleh etnik di Sarawak berteraskan kepada konsep kesucian yang mana diakhir perlaksanaan setiap ritual adalah untuk menjurus kepada kebesaran tuhan yang memberikan kesejahteraan kepada komuniti pengamalnya. Maklumat temu bual dianalisis secara manual untuk melihat setiap maklumat yang diperolehi itu mempunyai makna yang tersirat hasil daripada bentuk-bentuk persembahan yang diadakan oleh setiap persembahan ritual tersebut. Melalui kajian ini, simbol-simbol yang diperolehi daripada persembahan ritual itu akan dianalisis melalui teori ini dengan bertemakan konsep kesucian. Kesahan setiap data yang diperolehi oleh pengkaji akan disemak menggunakan kaedah semakan silang informan bagi memastikan data tersebut benar-benar sahih bagi mengelakkan kekeliruan kepada para pembaca dan pengkaji seterusnya.

4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Hasil daripada pemerhatian tentang pelaksanaan ritual oleh masyarakat di Sarawak selama sepuluh tahun mendapati ritual yang dilaksanakan oleh kebanyakan perlaksanaannya adalah menjurus kepada simbol kesucian yang menekankan kepada tiga unsur utama iaitu, unsur tradisi, unsur agama dan unsur ketuhanan. Dalam makalah ini, Teori Simbol kesucian akan dikupas melalui dapatan kajian berdasarkan kepada masyarakat di Sarawak iaitu Melayu, Kadayan, Melanau, Iban, Salako dan Penan.

4.1 Unsur Ketuhanan

Pengertian tentang ketuhanan ini sememangnya terlalu luas untuk dibicarakan. Namun kesemuanya adalah atas dasar pemahaman oleh para penganutnya yang menganggap pengertian ketuhanan itu adalah memberikan pengertian yang luas tetapi ia difahami ada dan mempunyai kuasa yang tidak dapat dibayangkan oleh manusia. Walaupun meyakinkan adanya tuhan itu adalah masalah fitrah pada manusia tetapi setiap penganut setiap agama dan para penganut ajaran itu sangat memahami maksud Sang Pencipta. Menurut Clifford (1992), simbol-simbol agama itu dirumus berdasarkan kepada kesesuaian antara kehidupan yang dipegang oleh masyarakatnya. Dalam hal ini, setiap agama dan pegangan orang yang mengamalkan pemahaman tradisi memahami bahawa tuhan itu merupakan Sang Pencipta alam yang ditanggapi sebagai bukan yang pertama. Tuhan itu pula tiada maksud dihidupkan atau dimatikan. Untuk membahaskan tentang nilai falsafah ketuhanan ini adalah terlalu luas dan abstrak yang hanya boleh difahami bahawa tuhan pada setiap agama dan pegangan itu adalah suatu yang berkuasa melangkaui kemampuan manusia berfikir.

Menurut Magiman et al. (2019), unsur ketuhanan merupakan kefahaman masyarakat umum tentang keyakinan kepada Tuhan dan cara menyembahnya bagi memperoleh keredaan-Nya. Setiap ibadat atau cara penyembahan oleh manusia itu mempunyai pelbagai cara yang diakhirnya adalah untuk memohon kerestuan diberikan kesejahteraan oleh tuhan itu. Dalam pelaksanaan ritual, kebanyakan persembahan dan permohonan adalah diberikan kepada tuhan yang dipercayai dapat membantu menaturalkan permasalahan atau krisis kehidupan dalam sesebuah masyarakat. Ini disebabkan dalam pemahaman tersebut mereka mempunyai pegangan atau agama yang tersendiri yang secara keseluruhannya menjelaskan bahawa setiap kejadian itu adalah atas kehendak tuhan yang mencipta. Menurut O'dea (1974), Durkheim memberikan penjelasan bahawa setiap pengikut yang berpegang kepada agama akan sentiasa merasakan sesuatu itu indah dan tenang. Bagi mereka yang dapat berinteraksi dengan Tuhan pula akan merasakan diri mereka sentiasa kuat malah ada yang merasakan lebih kuat daripada sebelumnya kerana telah diberi tenaga dalam mengharungi kehidupan ini. Jadi dalam pemikiran manusia yang mempunyai pegangan atau yang beragama memahami bahawa manusia tidak memiliki kuasa luar biasa seperti tuhan. Atas dasar kelemahan itu, segala krisis, masalah, musibah dan sebagainya hanya tuhan sahaja dapat memberikan kesejahteraan kepada masyarakat pengamal pegangan atau sesuatu agama itu.

Unsur ketuhanan berdasarkan kajian ritual Makan Tahun dalam budaya masyarakat Kadayan dan adat Tepung Tawar dalam Melayu di Sarawak, masyarakat pengamalnya berpegang kepada agama Islam iaitu Allah SWT. Walaupun

telah mengantui ajaran agama Islam, pelaksanaan ritual adalah untuk mengisi kepongkongan yang ditanggapi ia perlu dilaksanakan berdasarkan pengalaman yang diwarisi. Namun pelaksanaan ritual itu adalah untuk memohon dilindungi, diberikan kesejahteraan dan sebagainya. Sebagai contoh dalam ritual *Makan Tahun*⁹ masyarakat Kadayan, perolehan beras baharu itu dikongsi dengan seluruh masyarakatnya melalui majlis kenduri, doa selamat dan bacaan yasin yang dalam agama Islam adalah satu tuntutan. Dalam majlis tepung tawar masyarakat Melayu Sarawak pula, walaupun penggunaan pelbagai bahan untuk direnjis dan ditabur kepada pengantin, namun pada peringkat permulaan atau diakhir upacara tersebut akan dibacakan doa dan memohon daripada Allah SWT untuk merestukan dan memanjangkan jodoh pasangan tersebut. Ini jelas memperlihatkan segala persembahan adalah kepada tuhan. Dalam konteks kesucian pula dalam kedua-dua ritual itu menekankan kepada kesucian semasa diadakan doa selamat, bacaan yasin dan kenduri semasa ritual *Makan Tahun* bagi memastikan doa yang dipohon dapat direstukan.

Bagi ritual yang dilaksanakan oleh masyarakat yang bukan beragama Islam dan juga mengamalkan pegangan tradisi mereka juga mempunyai unsur ketuhanan dalam setiap perlakuan ritual itu. Setiap tuhan yang disembah oleh mereka ini mempunyai pelbagai gelaran seperti Penan (Ratalak), Melanau Likow (Ipok), Iban (petara) dan Salako (Jubata). Walaupun mempunyai nama yang berbeza, namun segala persembahan adalah dengan memohon keberkatan, kesejahteraan agar setiap masyarakat pengamal itu dijauhi daripada pelbagai musibah dan kecekalaan. Di samping itu juga, ritual yang dilaksanakan adalah sebagai memohon untuk diberikan pendapatan yang banyak terutamanya bagi masyarakat yang berteraskan kepada budaya padi dan nelayan. Ini memperlihatkan konsep ketuhanan itu diutamakan semasa persembahan ritual. Walaupun medium yang berbeza tetapi Hasrat dan diakhir persembahan adalah untuk memastikan masyarakat pengamal akan beroleh kesejahteraan berpanjangan.

Peranan tuhan juga kadangkala diterjemahkan melalui dewa dan sebagainya. Dalam masyarakat Melanau Likow yang masih mengamalkan pegangan pagan, mereka mempercayai *Ipok* akan membantu mereka dalam menjamin masyarakat yang bergantung kepada laut dengan penghantaran ritual *Serarang*¹⁰. Unsur ketuhanan yang diterapkan dalam ritual *Pakan* bagi masyarakat Penan yang menyembah Ratalak dan ritual *Nyangahant* dalam masyarakat Salako yang menyembah Jubata lebih menekankan kepada kesejahteraan kehidupan. Berbeza bagi masyarakat Iban dalam pelaksanaan ritual *Sabak Bebuah*¹¹ yang memohon tuhan mereka iaitu Petara untuk memudahkan perjalanan mereka yang telah mati kea lam *Sabayan*¹² atau Syurga. Hasil daripada dapatan itu, memperlihatkan konsep unsur ketuhanan yang diterjemahkan melalui persembahan ritual adalah sebagai suatu perlakuan untuk memastikan setiap masyarakat itu akan dilindungi dan diakhirnya hidup dalam kesejahteraan.

4.2 Unsur Agama

Menurut Nottingham (1985), tidak ada satu mana-mana definisi yang betul-betul dapat diterjemahkan tentang agama. Menurut beliau, keadaan itu disebabkan agama sangat beraneka ragam dan hampir tidak dapat dibayangkan namun yang jelas ianya merupakan unsur keterlibatan individu dalam perihal perlakuannya. Kenyataan itu turut dipersetujui oleh Keti, Magiman, & Mohd Yussof (2019), yang menjelaskan dalam perlakuan masyarakat Penan, unsur agama tidak diterima melalui bahan bacaan tetapi ia diwujudkan melalui perlakuan mereka dalam mempersembahkan ritual *Pakan*¹³. Secara tidak langsung keadaan itu menunjukkan penjelasan Nottingham boleh digunakan sebagai panduan dalam menjelaskan tentang perkara-perkara yang berkaitan agama. Selain itu, ia juga berkaitan tentang perubahan yang dialami dalam kehidupan manusia daripada zaman tiada agama kepada penerimaan ajaran agama. Geertz (1971) menjelaskan bahawa agama mengalami suatu bentuk perubahan pada tradisi-tradisi agama dan sistem-sistem keyakinan beragama. Adapun teks suci atau doktrin keagamaan yang diamalkan tiada perubahan. Penjelasan itu menunjukkan bahawa perubahan perlakuan yang dilaksanakan oleh pengamal ritual adalah atas dasar keperluan masyarakatnya. Melalui kenyataan Geertz, walaupun doktrin keagamaan itu merupakan suatu yang suci ia kadang kala berubah atas dasar kepongkongan yang masih kedapatan.

Salleh, Inai, & Magiman et al. (2020), menerusi budaya Vaie, perubahan dan keyakinan keagamaan di antara lain adalah disebabkan oleh adanya interpretasi para penganut agama itu sendiri. Berdasarkan pandangan tersebut, perubahan interpretasi itu kemudiannya menyebabkan tingkat-tingkat keyakinan keagamaan yang dimiliki oleh pengantu suatu agama itu. Menerusi perubahan tersebut telah membawa masyarakat di dalam suatu amalan itu menjadi tradisi yang diteruskan oleh generasi seterusnya. Secara dasarnya amalan yang dikaitkan dengan unsur agama ini sebenarnya menjurus kepada perlakuan terhadap sesuatu pengukung budaya itu yang meneruskan atur cara tersebut sebagai suatu kemestian dalam kehidup komuniti pengamalnya.

Pemahaman itu diterjemahkan melalui peranan Ustaz, Pak Iman dan orang beragama yang terkandung di dalam Budaya masyarakat Kadayan dan Melayu. Menurut Magiman & Yatim (2012), tanpa golongan tersebut adalah mustahil sesuatu aturcara yang berkaitan agama itu dapat dilaksanakan contohnya peranan ustaz, pak imam dalam membacakan doa semasa melakukan solat Dhuha, Solat Hajat, Bacaan Yasin dalam pelaksanaan ritual *Makan Tahun*. Begitu juga

⁹ Merupakan ritual yang dijalankan oleh masyarakat Kadayan di Bekenu Sarawak bagi mengucapkan terima kasih di atas pemberian hasil oleh Allah S.W.T

¹⁰ Merupakan ritual masyarakat Melanau Likow untuk tujuan menghantar serahan kepada *Ipok*.

¹¹ Ritual tangisan atau ratapan yang dilakukan oleh masyarakat Iban dan mengiringi si mati kealam syurga.

¹² Alam kematian atau alam syurga bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan kepercayaan tradisional atau animism.

¹³ Merupakan ritual yang dilaksanakan oleh masyarakat Penan di Ulu Jelalong, Sarawak untuk memohon kesejahteraan kepada kuasa Tuhan yang disebut *Ratalak* supaya dilindungi dan dirahmati.

tugas yang dimainkan oleh orang beragama ini dalam pelaksanaan tepung Tawar dalam perkahwinan masyarakat Melayu. Walaupun ia sering kali menghadapi perbincangan ia masih lagi dilaksanakan bagi kumpulan masyarakat yang menganggap itu adalah budaya Melayu dan perlakuan memberikan doa kesejahteraan kepada pasangan panganti adalah suatu perlakuan yang baik.

Konteks agama di sini adalah luas di mana ia bukan hanya merujuk kepada agama Islam, Kristian ataupun Hindu, namun konsep agama di sini adalah merujuk kepada amalan pegangan kehidupan yang dimiliki oleh pengamal agama tersebut contohnya masyarakat Melanau Likow yang menjurus kepada pagan, Iban, Penan dan Salako yang telah memiliki Kristian tetapi mengamalkan *pengarap lama*¹⁴ (animisme). Berdasarkan pegangan tersebut unsur keagamaan yang dinyatakan adalah merujuk kepada orang perantara kepada dewa dan tuhan yang disampaikan melalui *Tama Kaul* (Melanau Likow), *Tukang Sabak* (Iban), *Vaie Puwet* (Penan) dan *Tuha Adat* (Salako). Dalam setiap kumpulan etnik tersebut, peranan orang yang dianggap tinggi agamanya akan melaksanakan setiap upacara atau ritual itu dengan penuh ketelitian dengan mengutamakan kepada konsep kesucian. Kesucian yang dijelas di sini adalah melalui bentuk-bentuk persembahan kepada tuhan atau dewa seperti *Allah SWT* (Melayu dan Kadayan), *Petara* (Iban), *Jubata* (Salako), *Ratalak* (Penan) dan *Jubata* (Salako). Penerapan nilai kesucian pada kumpulan orang yang mempunyai kedudukan tertinggi dalam agama yang dianuti itu sebenarnya bagi memastikan setiap persembahan itu diterima oleh tuhan atau dewa yang disembah.

4.3 Unsur Tradisi

Budaya tradisi masyarakat di Sarawak masih lagi bergantung kepada kearifan-kearifan lokal seperti adat istiadat, tradisi, perpatah yang keseluruhannya selaras untuk mengecapi kehidupan yang damai. Dalam mengharungi kehidupan itu, ia diselarikan dengan pegangan kepercayaan beragama yang berbeza tanpa adanya pertelingkahan kepelbagai etnik melalui pelaksanaan *Tepung Tawar* (Melayu), *Makan Tahun* (Kadayan), *Sabak Bebuah* (Iban), *Serarang* (Melanau Likow), *Pakan* (Penan) dan *Nyangahant*¹⁵ (Salako). Bagi suatu masyarakat pluralistik seperti di Sarawak kehadiran konflik dalam kehidupan adalah disebabkan faktor yang menjurus kepada persekitaran. Antara konflik-konflik tersebut adalah seperti kesepakatan antara masyarakatnya untuk mencari satu bentuk penyelesaian bagi memastikan setiap kelompok masyarakat itu dapat meneruskan kehidupan yang aman.

Menurut Magiman & Yatim (2012), orang yang mempersembahkan barangan persembahan dan menyampaikan bahan persembahan kepada kuasa ghaib adalah merupakan pengamalan kepada kepercayaan tradisi. Di mana setiap bentuk persembahan yang dilaksanakan itu hendaklah mengikut aturan yang telah ditetapkan oleh komuniti pengamalnya. Unsur-unsur animisme ini sebenarnya merupakan amalan kepercayaan yang diturunkan oleh generasi terdahulu melalui jenis-jenis persembahan seperti makanan, barangan dan peralatan yang dipercayai menutrasikan krisis atau konflik dalam masyarakat pengamalnya.



Rajah 2: Penghantaran *Serarang* oleh masyarakat Melanau Likow sebagai persembahan kepada Dewa (*Ipok*)

¹⁴ Kepercayaan tradisi atau animisme yang masih diamalkan oleh masyarakat Iban.

¹⁵ Ritual yang diraikan oleh masyarakat Salako bagi tujuan memohon kesejahteraan daripada tuhan mereka iaitu *Jubata* dan juga merupakan ibu kepada segala ritual yang diraikan oleh masyarakat Salako.



Rajah 3: Gabungan Kikir Ikan Pari dengan Cincin Emas di dalam pelaksanaan *Tepung Tawar* masyarakat Melayu Sarawak

Inai et al. (2020), unsur tradisi yang terdapat di dalam sebuah budaya itu sebenarnya merupakan pengabdian diri kepada kuasa-kuasa supernatural bagi memastikan masyarakat pengamal budaya tersebut untuk dilindungi oleh dewa yang disembah. Melalui pelaksanaan ritual itu, unsur simbol tradisi di dalam ritual *Serarang* dalam masyarakat Melanau Likow, itu dinyatakan melalui bentuk-bentuk makanan dan peralatan yang dirungkai bagi memastikan dewa yang disembah akan merestui persembahan tersebut. Kepercayaan lokal dalam sesebuah masyarakat banyak bergantung kepada bentuk pelaksanaan yang mempengaruhi kepada kehidupan. Menurut Bohari & Magiman (2020), penggunaan kikir pari dan cincin emas dalam ritual *Tepung Tawar* adalah perlambangan bagi memohon restu agar dipanjangkan jodoh dan dilindungi daripada pelbagai krisis kehidupan. Ini jelas bahawa setiap pelaksanaan di dalam sesebuah budaya masyarakat itu adalah bagi memohon kesejahteraan hidup. Bagi Ketu, Magiman, & Mohd Yussof (2019), simbol makanan yang dipersembahkan oleh masyarakat Penan merupakan satu bentuk kesucian di dalam pelaksanaan ritual. Contohnya penggunaan makanan seperti *Vonyu Parut*¹⁶ atau kelapa parut yang melambangkan kesucian dan kesungguhan hati manusia dalam berharap dan memohon sesuatu niat mereka kepada *Retalak* atau Tuhan dan *Baleik*¹⁷ atau Roh Hutan supaya sentiasa diberi perlindungan serta keselamatan sepanjang mereka mencari rezeki. Kenyataan tersebut disokong oleh Salleh et al. (2020), yang simbol-simbol makanan yang terdapat di dalam pelaksanaan ritual adalah sebagai balasan kepada dewa yang disembah bagi memastikan masyarakatnya terhindar daripada pelbagai musibah.



Rajah 4: Ritual *Pakan* yang dilaksanakan oleh masyarakat *Penan* bagi memohon restu daripada *Retalak*

Setiap masyarakat yang mengamalkan upacara ritual mempunyai pelbagai bentuk penghayatan untuk menterjemahkan di dalam bojek persembahan yang dikenali sebagai simbol. Dalam budaya masyarakat Salako, ayam atau babi merupakan simbol kesucian yang digunakan. Ayam atau babi yang digunakan dalam pelaksanaan ritual ini perlu disembelih dengan menggunakan pisau khas yang dikenali sebagai *Ensuat Jubata*¹⁸ dan penyembelihan akan dilakukan seseorang yang pakar dan dilantik khusus semasa oleh *Ketua Adat* dan *Ketua Kampung*. Hal ini kerana proses penyembelihan adalah berlainan daripada penyembelihan biasa. Untuk tujuan ritual *Nyangahant*, ayam disembelih dengan menebuk sedikit pada bahagian bawah pipi ayam bagi memutuskan saluran makanan tanpa memutuskan saluran

¹⁶ Kelapa parut dalam Bahasa masyarakat Penan

¹⁷ Roh hutan

¹⁸ Pisau khas yang digunakan oleh penyembelihan haiwan untuk dihantar kepada *Jubata*

darah dan kepala dengan ayam tersebut dengan menggunakan pisau khas yang dikenali sebagai *Ensaut Jubata*. Perlakuan ini dilakukan simbolik kepada kesucian dalam menyediakan persembahan kepada *Jubata*, selain itu, perlakuan ini juga simbolik kepada rasa hormat dan ketertiban dalam menyediakan makanan untuk tuhan mereka iaitu *Jubata*. Penghayatan yang dilahirkan itu melalui bentuk persembahan kepada *Jubata* dijaga dengan rapi yang memperlihatkan setiap perlakuan adalah atas dasar sadar dan perlatu dilakukan secara sopan. Keadaan itu juga terdapat dalam budaya masyarakat Iban yang menggunakan simbol-simbol kesucian seperti *sapat*¹⁹, *pua kumbu*²⁰, kain putih dan seekor ayam. *Sapat* dibina sebagai tempat meletakkan jenazah si mati untuk mengelakkan jenazah dilompat oleh binatang peliharaan seperti kucing dan anjing. Sekiranya berlaku, maka jenazah si mati dianggap sebagai hilang kesucian dan mendatangkan pelbagai cabaran untuk sampai ke Syurga. Penggunaan *pua kumbu* semasa proses ritual *Sabak Bebuah* adalah kerana penciptaan asalnya adalah dari *Petara* atau Tuhan. Menurut Magiman et al. (2018), *Pua kumbu* adalah merupakan kain yang suci dan ianya digunakan dalam semua istiadat yang melibatkan *Petara* atau Tuhan. Sehelai kain putih juga digunakan sebagai simbol dalam ritual *Sabak Bebuah* kerana ianya melambangkan kesucian pada jenazah serta *Tukang Sabak* yang akan mempersembahkan ritual *Sabak Bebuah*. Seekor ayam yang bersih dan sempurna turut digunakan sebagai simbol kesucian dalam proses ritual *Sabak Bebuah*. Kesempurnaan pada seekor ayam itu melambangkan kesucian pada roh si mati dan memudahkan perjalanan ke Syurga. Sebab itu, nilai yang terdapat di dalam sesebuah simbol dalam budaya etnik Sarawak itu adalah bagi melahirkan rasa kebergantungan kepada tuhan bagi memohon restu kesejahteraan kehidupan.

Dalam menzahirkan simbol kesucian ini, nilai keutamaannya adalah memastikan setiap persembahkan kepada tuhan bagi etnik di Sarawak adalah mengutamakan kepada kesucian. Malah jika dilihat berdasarkan kepada amalan beragama seperti agama Islam, Kristian, dan Pagan. Dalam kehidupan budaya padi masyarakat Kadayan di Sarawak kesucian amat diutamakan semasa melakukan pelbagai bentuk upacara dan persembahan seperti proses menurunkan benih padi ke tapak semaian, *mengetam induk padi*, membawa padi semasa proses membaca doa, membuat kuih *pinnya'am*²¹, *kelupis*²², *pakanan raja*²³, menebang umbut dan sebagainya. Kenyataan di atas adalah mengambil pandangan Douglas (2002), yang melihat sesuatu yang bersifat baik itu mestilah mempunyai kesucian di mana setiap perlakuan yang membawa kepada kebaikan mestilah dilakukan dengan telus dan sebagainya. Dalam kehidupan kaum Kadayan ia tidak lari seperti pandangan beliau itu, cuma dalam kaum Kadayan ini mereka berpegang kepada ajaran agama Islam. Walaupun ada kalanya pengaruh animisme itu masih kedapatan tetapi untuk tujuan kebaikan, mereka mengutamakan kepada kesucian.

5. Kesimpulan

Simbol yang terdapat di dalam sesebuah ritual adalah perlambangan ungkapan kebudayaan yang merupakan representasi mental yang didukung oleh sesebuah etnik. Setiap simbol yang terkandung di dalam sesebuah ritual itu adalah mempengaruhi di dalam kehidupan masyarakat pemakainya. Melalui representasi simbol itu, ia adalah penzahiran nilai melalui persembahan kepada tuhan yang disembah oleh etnik di Sarawak. Walaupun mempunyai pegangan agama yang berbeza dalam kalangan etnik nya, simbol kesucian merupakan perkara yang utama dalam pelaksanaan setiap ritual itu. Kesucian yang digarap dalam ritual itu adalah bagi memastikan setiap persembahan yang dilakukan itu akan diterima oleh tuhan. Kesucian yang diutamakan disetiap persembahan itu merupakan bentuk nilai yang terkandung di dalam ritual yang secara keseluruhan adalah bagi memastikan setiap masyarakat yang melaksanakan akan memperolehi kehidupan yang baik dan terhindar daripada segala bencana dan musibah. Sebab itu, nilai kesucian amat diutamakan di dalam setiap persembahan ritual. Malah dalam memastikan kesucian itu terpelihara terhadap bentuk persembahan, jiwa dan sifat sesuatu persembahan itu akan dijaga dengan baik bagi menghindari daripada segala pencemaran. Ini menjelaskan bahawa kesucian yang dijaga itu bukan lah suatu yang hanya sebagai satu tanggapan sahaja tetapi ia merupakan suatu sifat yang diutamakan. Bagi masyarakat pengamal ritual ini, tanpa kesejahteraan hidup, etnik pengamal itu akan menghadapi konflik yang akhirnya menyebabkan permasalahan dalam kehidupan. Bagi masyarakat pengamal, ritual merupakan pembantu kepada ruang-ruang yang lompong yang terdapat di dalam sesebuah budaya masyarakat pengamal.

Penghargaan

Ucapan terima kasih di atas dana FRGS 1/2019 dengan vot 5540336 bernilai RM71,010 daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Ucapan terima kasih ini dipanjangkan juga kepada Universiti Putra Malaysia di atas kesudian memberikan kelulusan permohonan geran ini di samping membantu tugas kerja sebagai penyelidik. Melalui penyelidikan dan dana tersebut telah membantu pelajar-pelajar di peringkat PhD dan master seperti Noorazila Inai, Mangai Tugau, Alexander Peter, Sarina Ketu dan Sarra Jastika menamatkan pengajian mereka. Kepada ketua adat, ketua masyarakat dan pengamal ritual etnik seperti Melayu, Melanau, Kedayan, Penan, Salako dan Iban, pengorbanan dan bantuan selama ini telah menghasilkan banyak penerbitan yang besar nilainya kepada negeri Sarawak.

¹⁹ Merupakan penghadang yang digunakan semasa kematian masyarakat Iban.

²⁰ Sejenis kain yang ditunen oleh masyarakat Iban. Kain ini bukan kain harian tetapi ia digunakan semasa hari-hari tertentu.

²¹ Merupakan sejenis kuih yang digunakan dalam pelaksanaan ritual *Makan Tahun* masyarakat Kadayan.

²² Kuih yang diperbuat daripada beras pulut yang dijamu kepada tetamu semasa *Makan Tahun*.

²³ Makanan pulut kuning yang dijamu semasa *Makan Tahun*, masyarakat Kadayan

Rujukan

- Arumugum, L., Nadeson, B., & Pal Thamburaj, K. (2021). Traditional teaching method - concept of moral education and pedagogy in Aathicuudi. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(2), 176-182. <https://doi.org/10.33306/mjssh/131>
- Bell, C. (1992). *The Ritual Theory: Ritual Practice*. London: Oxford University Press.
- Bohari, S. J., & Magiman, M. M. (2020). Simbol Dan Pemaknaan Ritual Adat Tepung Tawar Dalam Perkahwinan Masyarakat Melayu Sarawak. *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB)*, 8.
- Clifford, G. (1992). *Kebudayaan dan Agama*. Yogyakarta: Kanisius.
- Geertz, C. (1971). *Islam observed: Religious development in Morocco and Indonesia* (Vol. 37). University of Chicago press.
- Douglas, M. (2002). *Natural symbols*. Routledge.
- Hamali, S. (2017). Agama dalam Perspektif Sosiologis. *Al-Adyan: Jurnal Studi Lintas Agama*, 12(2), 223-244.
- Inai, N. N., Magiman, M. M., Salleh, N., Yusoff, A. N. M., Tugau, M., & Permana, S. A. (2020). The Analysis Of Food Symbols In The'Serarang'Ritual Of The Melanau Likow Community In Dalat, Sarawak. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 14(3,723-741).
- Magiman, M. M., & Nordin, M. N. (2021). A Study of Ritual Communication in Kadayan Community in Sarawak. *Journal for the Study of Religions and Ideologies*, 211-224.
- Magiman, M. M., Salleh, N., & Yusoff, A. N. M. (2019). SIMBOL KESUCIAN DALAM KOMUNIKASI RITUAL MASYARAKAT KADAYAN SARAWAK Purity symbol in the ritual communication of Kadayan's community in Sarawak. In *Prosiding ■ Seminar Nasional Arkeologi* (Vol. 153, p. 166).
- Magiman, M. M., Chelum, A., Durin, A., Nie, C. L. K., & Mohd Yusoff, A. N. (2018). The Iban's Belief towards the Meaning of Pua Kumbu's Motif. *Scholars Journal of Arts, Humanities and Social Sciences*, 6(8), 1490-1496.
- Magiman, M. M., & Salleh, N. (2017). Identiti Bidayuh Sarawak Dalam Tarian Langgie Pingadap. *Borneo Research Journal*, 11, 46-59.
- Magiman, M. M., & Yatim, O. (2012). Simbol dalam Makan Tahun Masyarakat Kadayan, Sarawak. *Jurnal Melayu*, 9.
- Nottingham, E. K. (1985). *Agama dan Masyarakat: Suatu Pengantar Sosiologi Agama*, terj. Abdul Muis Naharong, Jakarta: Rajawali Pers.
- Radcliffe-Brown, A. R. (1952). *On the Concept of Function in Social Science* [in:] *Structure and Function in Primitive Society*. London: Cohen and West Ltd.
- Keti, S., Magiman, M. M., Mohd Yusoff, A. N. (2019). *Simbol Pakan Dalam Ritual Masyarakat Penan Kawasan Ulu Jelalong Tubau, Bintulu, Sarawak*. ICOSSH, Bintulu Sarawak. 16-27
- Salleh, N., Inai, N. N., & Magiman, M. M. (2020). Ritual Serarang: Analisis Hidangan Makanan sebagai Simbol Komunikasi Bukan Masyarakat Melanau Likow di Dalat, Sarawak. *Jurnal Komunikasi Borneo (JKoB)*, 8.
- O'Dea, T. F. (1974). *Pathologie und Erneuerung der religiösen Institution*. Concilium, 10, 62-66.
- Tugau, M. A., Magiman, M. M., Kundat, F. R., Mohd Yusoff, A. N., & Chelum, A. (2020). *Ritual Dirges (Sabak Bebuah) Of Iban Community in Sebauh District, Bintulu, Sarawak*, Hamdard Islamicus, 43(S.2), 358-370.
- Turner, V. W. (2020). *Schism and continuity in an African society: A study of Ndembu village life*. Routledge.
- Turner, V. (1980). Social dramas and stories about them. *Critical inquiry*, 7(1), 141-168.
- Turner, V. W. (1967). *The Forest of symbols: Turner, Victor (W [itter]); Aspects of Ndembu ritual*. Ithaca: Cornell University Press.
- Yakin, H. S. M. (2015). Adat Kematian Masyarakat Borneo dan Asia: Satu Tinjauan Perbandingan dari Aspek Budaya dan Pendekatan Kajian. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*.